

## **Isu Semasa Ekonomi Malaysia dan Tinjauan 2014**

**Oleh: ABDUL AZIZ AWANG**

Di antara isu utama yang dihadapi oleh Malaysia pada masa ini adalah isu rasionalisasi subsidi, perbelanjaan Kerajaan yang tinggi dan juga bebanan hutang. Masalah yang dihadapi oleh Kerajaan ialah bagaimana untuk merasionalisasi subsidi tanpa membebankan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Langkah Kerajaan menaikkan harga petroleum, tarif elektrik, harga gula dan kadar tol merupakan antara kaedah merasionalisasi subsidi. Tindakan ini bakal menyaksikan berlaku kenaikan kos sara hidup terutamanya bagi rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Walau bagaimanapun, Kerajaan tampil dengan inisiatif tambahan bagi membantu meringankan beban sara hidup yang semakin meningkat. Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) diteruskan pada tahun 2014 dan bahkan bantuan ini dinaikkan dari RM500 kepada RM650 kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Walaupun harga runcit petroleum RON 95 dan disel dinaikkan sebanyak 20 sen masing-masing kepada RM2.10 dan RM2.00 per liter, namun hakikat sebenarnya rakyat Malaysia masih menikmati harga petroleum yang lebih rendah berbanding dengan empat negara ASEAN lain yang berjiran iaitu Singapore, Thailand, The Philippines dan Indonesia.

### Perbandingan Harga Petroleum

<b>Negara</b>	<b>RON 95/Unleaded Petrol</b>	<b>Disel</b>
Singapore	5.48	4.16
Thailand	4.16	3.15
The Philippines	3.99	3.29
Indonesia	3.15	3.50
Malaysia	2.10	2.00

Pengurangan subsidi akan memberi faedah kepada ekonomi negara dengan syarat perbelanjaan kerajaan yang lain dibuat dengan berhemat mengambil kira nilai wang (*value for money*). Pada tahun 2013, perbelanjaan subsidi merangkumi kira-kira 22% daripada Perbelanjaan Mengurus Kerajaan. Sejak dua dekad yang lepas, Kerajaan telah memberikan pelbagai subsidi termasuk LPG, petrol dan disel, gula, beras, tepung gandum dan minyak masak. Apabila harga pasaran bahan-bahan tersebut meningkat, jumlah subsidi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan juga akan meningkat. Jika harga bahan-bahan tersebut jatuh, jumlah subsidi tidak semestinya berkurangan kerana ia juga bergantung kepada jumlah penggunaan. Hakikatnya, jumlah subsidi telah meningkat dengan ketara daripada RM1.1 bilion pada 1999 kepada RM44.1 bilion pada 2013. Subsidi ibarat ganja kerana ia sukar dihentikan apabila telah diberikan. Penamatan subsidi juga boleh mengakibatkan *political costs* kepada Kerajaan yang memerintah. Dasar pemberian subsidi terbukti merupakan dasar yang tidak efektif bagi

membantu rakyat golongan miskin. Misalnya dalam kes subsidi petroleum, ia diberikan secara menyeluruh. Orang kaya yang memiliki kereta Mercedes menggunakan bahan api ini lebih banyak daripada orang miskin yang bermotosikal. Ini bermakna subsidi petroleum lebih banyak dinikmati oleh golongan kaya.

Perbelanjaan mengurus yang tinggi juga merupakan satu isu dalam pengurusan fiskal negara. Daripada tahun 1970 hingga 2013, jumlah perbelanjaan mengurus telah meningkat daripada RM2.2 bilion kepada RM216.2 bilion. Komponen yang terbesar ialah emolument dan subsidi. Sebagai langkah penjimatan, Kerajaan telah mengumumkan 11 langkah bagi mengurangkan perbelanjaan mengurus manakala langkah-langkah susulan juga akan dibuat.

Perbelanjaan pembangunan pula meningkat perlahan dari RM725 juta pada tahun 1970 kepada RM45 bilion pada tahun 2013. Semasa ekonomi negara berkembang pesat pada tahun-tahun 1990an, perbelanjaan pembangunan merangkumi kira-kira 24% daripada jumlah perbelanjaan Kerajaan. Kini, jumlah perbelanjaan pembangunan hanya merangkumi 17% daripada jumlah perbelanjaan Kerajaan. Perbelanjaan pembangunan tidak boleh dikurangkan kerana ia merupakan pelaburan jangka panjang. Walau bagaimanapun, Kerajaan juga telah

mengumumkan untuk menjadualkan semula pelaksanaan projek mega, terutamanya pelaksanaan projek yang mempunyai kandungan import yang tinggi bagi mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Langkah ini akan membantu meningkatkan lebih akaun semasa imbalan pembayaran. Lebih akaun semasa kira-kira 3% daripada KDNK pada masa ini adalah membimbangkan kerana Malaysia pernah mencatatkan lebih akaun semasa sebanyak 10%. Penjadualan semula juga perlu dibuat ke atas projek yang mempunyai kesan pengganda yang rendah.

Pengurangan subsidi akan mengurangkan kos mengurus Kerajaan dan meningkatkan lebih mengurus (jumlah hasil tolak Perbelanjaan Mengurus). Ini sekaligus akan mengurangkan defisit fiskal. Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan defisit fiskal dari 4% pada tahun 2013, kepada 3.5% pada tahun 2014. Pengurangan defisit fiskal bermakna Kerajaan hanya perlu membuat pinjaman yang kecil bagi membiayai perbelanjaan pembangunan. Oleh yang demikian, peningkatan hutang kerajaan dapat diperlahankan dan kedudukan fiskal negara bertambah mampan.

Hutang Kerajaan Persekutuan telah mencatat peningkatan mendadak dalam tempoh 2008 dan 2009, setelah berlakunya krisis kewangan global apabila KDNK hanya meningkat 0.1% dalam suku keempat 2008

dan mencatat pertumbuhan negatif dalam suku pertama dan suku kedua tahun 2009. Bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan melaksanakan pakej rangsangan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM67 bilion. Langkah tersebut perlu dilaksanakan bagi meningkatkan permintaan agregat dalam keadaan permintaan terhadap eksport yang lemah. Suntikan rangsangan fiskal telah berjaya mengelak Malaysia daripada terjerumus ke dalam krisis kewangan global. Namun, krisis Euro terus memberi tekanan kepada pertumbuhan ekonomi memandangkan eksport ke Euro merangkumi kira-kira 14.2% daripada jumlah eksport negara. Krisis Euro juga telah memberi kesan ke atas pelaburan swasta. Keadaan ini telah mengakibatkan pertumbuhan KDNK meningkat sederhana dalam tahun 2011 dan 2012.

Langkah rangsangan fiskal telah mengakibatkan paras hutang meningkat dengan ketara sejak tahun 2009. Hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM519.4 bilion atau 54.8% daripada KDNK pada tahun 2013 menghampiri had siling 55%. Pihak asing (*foreigners*) pula memiliki kira-kira 27% daripada jumlah hutang dalam negara. Keadaan ini boleh mempengaruhi kadar pertukaran wang asing negara.

## **Tinjauan 2014**

Pertumbuhan KDNK 2014 dijangka meningkat sederhana sebanyak 5.0%. Pertumbuhan ini banyak didorong oleh permintaan domestik. Penggunaan swasta dijangka perlahan berikutan peningkatan kos sara hidup selaras dengan program rasionalisasi subsidi. Langkah BNM mengekang hutang isi rumah juga dijangka mengurangkan kadar pinjaman oleh institusi kewangan. Pemulihan ekonomi negara-negara maju seperti US dan Euro akan memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ekonomi US yang dianggap sebagai jentera utama ekonomi dunia telah meningkat 4.1% dalam suku ketiga 2013. Kadar pengangguran telah berkurangan kepada 7% iaitu kadar terendah dalam tempoh 5 tahun. Ekonomi Euro pula telah menunjukkan pemulihan dan dijangka mencatat pertumbuhan positif dalam tahun 2014. Ekonomi China juga dijangka mencatat pertumbuhan melebihi 7% manakala ekonomi Jepun terus berkembang melalui dasar monetari dan fiskal Abenomics. Secara keseluruhannya, ekonomi global dijangka meningkat dari 2.9% (2013) kepada 3.6% (2014). Semua perkembangan ini akan memberi kesan positif kepada prestasi eksport negara.

Unjuran kedudukan ekonomi Malaysia tahun 2014 adalah seperti jadual di bawah:

## **Aggaran KDNK Malaysia 2014**

Perbendaharaan	5.0% - 5.5%
<i>Standard Chartered</i>	5.3%
<i>Malaysia Agency Rating Corporation</i>	5.0%
<i>Economists Intelligence Unit</i>	5.0%
Rating Agency Malaysia	5.0%
MIER	5.0% - 5.5%

Di antara faktor yang membantu merancakkan pertumbuhan ekonomi negara ialah cadangan pelaksanaan GST pada tahun 2015, pengukuhan kedudukan fiskal dan langkah-langkah berhemat yang dicadangkan serta usaha mengekang kenaikan harga hartanah dan hutang isi rumah. Pengukuhan ekonomi global akan meningkatkan lebih dagangan yang seterusnya akan memperbaiki kedudukan lebih akaun semasa imbangan pembayaran. Tahun Melawat Malaysia 2014 juga merupakan inisiatif tambahan penting yang bukan sahaja akan merancakkan industri pelancongan negara tetapi juga lain-lain subsektor dalam sektor perkhidmatan seperti subsektor runcit. Paras inflasi pula dijangka meningkat dari 2.1% pada tahun 2013 kepada 3.4% pada tahun 2014 berikutan program rasionalisasi subsidi.

Program pengukuhan fiskal yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan membawa implikasi dan cabaran yang besar. Walau bagaimanapun tindakan ini akan meningkatkan ketahanan ekonomi dan memacu negara ke arah negara maju menjelang tahun 2020. TAMAT.